

Zhuliang gembira akhiri penantian 16 tahun

Sepang: Jurulatih terjun negara Yang Zhuliang mengakui penantian selama 16 tahun untuk melihat seorang anak Malaysia muncul juara dunia akhirnya menjadi kenyataan.

Melatih skuad terjun negara sejak 2001, jurulatih dari China itu berkata, beliau dapat saksikan bagaimana perkembangan skuad terjun negara bermula daripada sifar.

“Setiap penerjun kita berjaya meningkatkan prestasi mereka setiap tahun.

“Sekarang orang ramai mungkin hanya kenal Cheong Jun Hoong dan Pandelela Rinong tapi sebenarnya kita mempunyai ramai penerjun berbakat.

“Saya berada di sini sejak 2001 dan harus saya akui kejayaan ini tidak boleh berlaku dalam tempoh sehari

saja. Kita bermula daripada tiada apa-apa,” katanya ketika ditemui sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam.

Zhuliang berkata, tanpa sokongan Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara dan pihak lain, kejayaan itu mungkin tidak akan tercapai.

“Jun Hoong juga melalui

proses sama. Dia bermula daripada sifar dengan penyertaan pertama di Kejohanan Dunia pada 2005.

“Sekarang dia sudah menjadi juara dunia,” katanya.

Jun Hoong mencipta sejarah memenangi pingat emas menerusi acara 10 meter platform individu wanita pada Kejohanan Akuatik Dunia 2017 di Budapest, Hungary, Rabu lalu.